

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tentang Velodrom Azizulhasni Awang yang dijanjikan siap pada tahun hadapan. Menurut EXCO sukan negeri Terengganu Wan Sukairi Wan Abdullah, beliau menyatakan velodrom tersebut sudah 90% siap. Namun begitu, pada Ogos lepas pendedahan dilakukan oleh Presiden Persatuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) Datuk Amarjit Singh dan timbalannya mengatakan velodrom tersebut tidak layak untuk kejohanan peringkat antarabangsa. Mohon penjelasan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan Velodrom Dungun merupakan cetusan idea YB. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek selaku mantan Menteri Belia dan Sukan bersama YAB Menteri Besar Terengganu pada ketika itu susulan beberapa kejayaan YBhg. Dato' Mohd Azizulhasni Awang memenangi pingat emas di Sukan Asia Guangzhou 2010 dan pingat Perak di Kejohanan Dunia 2009 dan 2010 diikuti dengan pingat Gangsa di Sukan Olimpik, Rio 2016.

Pembinaan velodrom ini merupakan kerjasama di antara **Kerajaan Persekutuan** menerusi Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang menyediakan dana melalui Perbelanjaan Pembangunan (DE) manakala Kerajaan Negeri pula menyediakan tanah bagi tujuan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setiap velodrom yang siap dibina perlu mendapatkan **Sijil Homologation** bagi membolehkan penganjuran dilaksanakan. Homologation adalah proses mengesahkan semua spesifikasi yang dibina agar menepati piawaian **Kesatuan Berbasikal Antarabangsa** (Union Cycliste Internationale (UCI)), sekali gus membolehkan sebarang kejohanan antarabangsa diadakan dan rekod pelumba boleh diiktiraf.

Pengiktirafan velodrom bagi mendapatkan sijil homologation **kategori 4** akan dinilai oleh **Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM)** di mana kategori ini hanya untuk penganjuran **kejohanan peringkat tempatan sahaja**. Manakala untuk sijil homologation bagi **kategori 1, 2 dan 3** perlu dinilai oleh **pihak UCI** untuk penganjuran kejohanan-kejohanan peringkat antarabangsa:

- **Kategori 1**
Penganjuran Kejohanan Dunia, Sukan Olimpik.
- **Kategori 2**
Penganjuran Kejohanan Piala Dunia, Kontinental dan Kejohanan Remaja Dunia.
- **Kategori 3**
Penganjuran kejohanan yang bertaraf antarabangsa selain dari kategori 1 dan 2.

SOALAN NO : 329

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama pembinaan Velodrom Dungun adalah untuk **promosi, penggalakan program pembangunan sukan berbasikal di atas trek** serta **penganjuran pertandingan tempatan**. Pelumba-pelumba berbasikal trek khususnya pelumba-pelumba remaja dan pelapis masih memerlukan hampir 60% latihan di jalanraya bagi membina kekuatan “endurance” dan bakinya adalah latihan berbentuk teknikal dan taktikal di velodrom.

Velodrom Dungun diklasifikasikan sebagai **Kategori 4** di mana spesifikasi dan rekabentuk velodrom telah mendapat kelulusan wakil teknikal **Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM)** dari segi ukuran panjangnya (250 meter), kecuramannya, faktor keselamatan pengguna dan laluan pengangkutan serta kecemasan sekiranya diperlukan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Persekutuan juga telah menggerakkan usaha membina **Velodrom Nasional Nilai, Negeri Sembilan** yang kini digunakan sebagai **pusat latihan pelumba trek** dan **penganjuran pertandingan berbasikal trek peringkat kebangsaan dan antarabangsa**.

Sekian, terima kasih.